

LATAR BELAKANG

1. Merujuk subseksyen 25(2)(d) dan subseksyen 25(3), Akta Tenaga Atom 1984 (Akta 304), pihak berkuasa berkenaan boleh menghendaki pemegang lesen menyediakan pemeriksaan perubatan ke atas pekerja oleh pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan pada lat-lat tempoh yang ditetapkan. Manakala peraturan 27 Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 pula memperuntukkan bahawa majikan hendaklah menyebabkan supaya pengawasan perubatan dijalankan terhadap pekerjaanya oleh pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan.
2. Pemeriksaan kesihatan ini adalah penting untuk memantau tahap kesihatan pekerja yang terlibat dengan sinaran mengion di peringkat pra-pekerjaan, semasa bekerja dan juga semasa persaraan atau apabila pekerjaan ditamatkan. Jabatan Tenaga Atom telah melakukan pindaan dan pengemaskinian terhadap Rekod Perubatan Seksyen A bagi memudahkan penggunaannya oleh pemegang lesen.

ARAHAN

3. Pemegang lesen hendaklah memastikan pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan merekodkan keputusan pemeriksaan perubatan pekerja dengan menggunakan Rekod Perubatan Seksyen A Sem.2. Rekod ini boleh dimuat turun secara percuma melalui laman sesawang rasmi Jabatan Tenaga Atom. ([Rekod Perubatan Seksyen A Sem.2](#))
4. Semua rekod sejarah pemeriksaan yang telah dilakukan sebelum ini hendaklah disimpan bersama-sama dengan rekod terkini bagi memudahkan rujukan pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan dalam melakukan penilaian kesihatan pekerja yang terdedah kepada sinaran mengion.
5. Selaras dengan pindaan tersebut, Rekod Perubatan Seksyen A Sem. 2 hendaklah digunakan. Walau bagaimanapun, bagi pemeriksaan perubatan yang telah direkodkan menggunakan Rekod Perubatan Seksyen A Sem. 1 sebelum tarikh kuat kuasa arahan ini, tiada keperluan untuk pemeriksaan perubatan dilakukan semula menggunakan Rekod Perubatan Seksyen A Sem. 2.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

6. Arahan ini berkuatkuasa bermula pada 1 Jun 2026.

Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Atom Malaysia